

01/11/2003

Dr M mungkin sambut raya di luar negara

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad yang bercuti selama 10 hari ke Eropah mulai hari ini, kemungkinan besar tidak menyambut Aidilfitri di dalam negara bulan depan, kata anaknya, Datuk Mokhzani.

Mokhzani, 43, berkata bagaimanapun, tempat mereka sekeluarga menyambut hari raya belum ditetapkan lagi.

Namun katanya, apa yang pasti ialah mereka adik beradik kini lega kerana

selepas ini masa banyak terluang untuk bersama ayah mereka, yang selama ini begitu sibuk dengan tugas untuk negara.

"Saya sendiri rasa begitu lega, sangat gembira apatah lagi menyaksikan peralihan kuasa dalam suasana yang licin hari ini (semalam), tiada apa-apa

yang menjejaskan proses itu," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui

selepas majlis penyerahan kuasa oleh Dr Mahathir kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Jabatan Perdana Menteri di sini, petang semalam.

Adik bongsunya, Mazhar ketika ditemui pada majlis yang sama berkata, beliau turut gembira kerana Dr Mahathir kini akan dapat meluangkan lebih banyak masa bersama mereka.

"Perasaan saya bercampur sedih dan gembira sekarang," katanya.

Seorang lagi anak Dr Mahathir iaitu Mukhriz turut hadir dan bersama dengan abangnya, Mokhzani kemudian memasuki pejabat Perdana Menteri di Tingkat Lima, Bangunan Perdana Putra bagi menyaksikan proses penyerahan kuasa.

Kedua-duanya tiba bersama ibu mereka, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sementara itu, pemandu peribadi Dr Mahathir, Syawal Agus berkata, bekas

Perdana Menteri itu kelihatan agak sedih dan sekali sekala sebak semalam.

"Tetapi Dr Mahathir tidak menangis dan berbual seperti biasa dengan isteri apabila kami pulang dari kawasan pekarangan Jabatan Perdana Menteri

menuju ke Seri Perdana di kawasan berdekatan," katanya.